

# **KOMUNIKASI KELUARGA DAN HUBUNGANNYA DENGAN SIKAP OPTIMIS REMAJA**

Oleh

Aziyah A. Bakar, Msc

azie\_fbm@yahoo.com

(Universiti Malaysia Terengganu)

Saodah Wok, Ph.D

wsaodah@iium.edu.my

(Universiti Islam Antarabangsa)

Che Hasniza Che Noh, Ph.D

niza@umt.edu.my

(Universiti Malaysia Terengganu)

## **ABSTRAK**

Perubahan sosial masa kini meningkatkan pelbagai masalah sosial dalam kalangan remaja. Dalam konteks ini, komunikasi keluarga memainkan peranan penting dalam usaha untuk membantu remaja menangani masalah yang timbul antara mereka dengan ibu bapa. Persoalannya, sejauhmanakah komunikasi keluarga dapat membantu remaja menghadapi cabaran semasa? Apakah pola komunikasi keluarga yang digunakan bagi meningkatkan optimis dalam diri remaja? Selaras dengan itu, tujuan kajian ini adalah melihat perkaitan antara pola komunikasi keluarga dengan optimis remaja. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 360 remaja bandar di negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Hasil kajian mendapati pola komunikasi keluarga lebih berbentuk perbualan rendah dan keakuran tinggi. Remaja kajian ini juga mempunyai sikap optimis yang tinggi. Kajian ini memberi gambaran bahawa dalam melahirkan remaja yang cemerlang, ibu bapa dan remaja perlulah mewujudkan situasi komunikasi yang harmoni dan bahagia semasa berkomunikasi bagi membina hubungan dalam keluarga.

## PENGENALAN

Komunikasi keluarga berperanan penting bagi pembangunan diri remaja. Menurut Narimah (2008), dengan komunikasi keluarga remaja akan faham fungsi mereka sebagai anak, pelajar, rakan sebaya, dan ahli masyarakat. Oleh itu, mereka akan menjadi remaja yang lebih bertanggungjawab kepada diri, keluarga, dan masyarakat.

Menurut Ballard-Reisch *et al.* (2006), pola komunikasi keluarga dapat mempengaruhi remaja sama ada bertingkah laku secara positif atau bertingkah laku secara negatif. Bertingkah laku secara positif seperti remaja akan memperoleh pencapaian akademik yang tinggi, mempunyai konsep diri yang tinggi, dan mempunyai moral diri yang tinggi. Manakala bertingkah laku secara negatif seperti remaja terlibat dengan tingkah laku buruk, penggunaan najis dadah, merempit dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, pola komunikasi keluarga memberi pengaruh yang kuat dalam menentukan sikap optimis remaja (Comings & Cummings, 2002). Remaja yang mempunyai sikap optimis yang tinggi dapat dilihat dari penampilan diri yang bersih, datang awal ke sekolah, hormat ibu bapa dan guru serta melibatkan diri dengan aktiviti masyarakat. Sebaliknya, remaja yang rendah sikap optimisnya sering menyendiri, merokok, poteng sekolah, dan sebagainya. Oleh yang demikian, pentingnya pembentukan sikap optimis dalam diri remaja ini dibangunkan agar remaja tahu memilih jalan kehidupan yang lebih baik. Ini adalah kerana sikap optimis akan memandu remaja ke arah yang positif. Oleh itu, kajian ini ingin membincangkan sejauhmana hubungan di antara pola komunikasi keluarga dengan sikap optimis remaja ini. Objektif kajian ini ialah (1) untuk mengenal pasti pola komunikasi keluarga, (2) untuk mengenal pasti sikap optimis remaja, dan (3) untuk menentukan perkaitan antara pola komunikasi keluarga dengan sikap optimis remaja.

## TINJAUAN LITERATUR

### **Pola Komunikasi Keluarga**

Menurut Ballard-Reisch *et al.* (2006), pola komunikasi keluarga ialah kecenderungan keluarga untuk membentuk cara berkomunikasi di antara satu sama lain. Oleh yang demikian, pola komunikasi yang dipamerkan oleh ibu bapa akan mencorakkan anak-anak dengan satu corak tingkah laku (Baxter *et al.*, 2005; Fingerson, 2005; Knafo & Schwartz, 2003); dan White & Matawi, 2004). Maka itu, pola komunikasi keluarga sebagai agen sosialisasi amat berperanan penting dalam mempengaruhi tingkah laku anak-anak mereka dalam masyarakat.

Menurut Ritchie dan Fitzpatrick (1990), pola komunikasi keluarga terdiri dari dua orientasi iaitu orientasi perbualan dan orientasi keakuran. Pola komunikasi keluarga yang berorientasikan perbualan didefinisikan sebagai komunikasi keluarga yang mewujudkan iklim yang menekankan perbincangan, pendapat dan idea dalam kalangan keluarga. Manakala komunikasi yang berorientasikan keakuran didefinisikan sebagai komunikasi keluarga yang mewujudkan iklim yang menekankan keselarasan dalam kelakuan, nilai dan kepercayaan dalam kalangan ahli keluarga.

Banyak kajian mendapati bahawa orientasi perbualan banyak membawa kebaikan dalam hubungan remaja dengan ibu bapa (Baxter *et al.*, 2005; Dumlao *et al.*, 2000; Koerner & Fitzpatrick, 2004). Ini adalah kerana ibu bapa yang mengamalkan orientasi perbualan lebih bersikap terbuka, menyokong dan memberi kerjasama yang tinggi dengan melibatkan diri dengan aktiviti yang diceburi anak-anak. Oleh itu, banyak kajian mengenai orientasi perbualan mendapati orientasi perbualan menyumbang kepada pencapaian akademik dan penyesuaian diri yang tinggi anak-anak (Kelley *et al.*, 2002; Koerner & Fitzpatrick, 2004; Wilson *et al.*, 2004; Wood, 2004).

Manakala orientasi keakuran didapati menyebabkan anak-anak berasa tidak gembira berada bersama ibu bapa. Ini adalah kerana ibu bapa yang mengamalkan orientasi keakuran bersikap tegas, mengawal dan tidak mesra. Oleh yang demikian, konflik sering berlaku antara remaja dengan ibu bapa. Menurut Crespi dan Sabatelli (2002),

disebabkan tertekan dengan ibu bapa, remaja lebih gembira berada bersama-sama dengan rakan-rakan. Keadaan ini mudah mendorong remaja terlibat dengan pelbagai masalah gejala sosial. Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah orientasi keakuran ini, sikap optimis dalam diri remaja perlu dibentuk.

### **Sikap Optimis**

Jackson *et al.* (2000) mendefinisikan sikap optimis sebagai kecenderungan dalam melihat perkara yang baik dalam hidup. Ia membawa erti bahawa sikap optimis membenarkan individu tersebut mentafsir dan menyelesaikan masalah dengan cara yang positif. Begitu juga Hicks (2000) mentakrifkan sikap optimis ialah sikap yang selalu mempunyai harapan yang baik dalam segala hal serta kecenderungan untuk mengharapkan hasil yang lumayan. Manakala Tuttle *et al.* (2004) menyatakan sikap optimis ialah sikap yang selalu percaya yang individu itu boleh mencapai kejayaan asalkan bekerja keras. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sikap optimis ialah sikap positif yang ada pada diri dapat mendorong menghasilkan kehidupan yang lebih sihat dan memuaskan.

Sehubungan itu, Tuttle *et al.* (2004) menyatakan remaja yang mempunyai sikap optimis yang tinggi kurang mengalami tekanan dan lebih bersedia berdepan dengan sebarang tekanan. Remaja juga dilihat lebih gembira dan suka melakukan aktiviti yang sihat seperti beriadah, makan makanan yang sihat, melancung dan sebagainya. Oleh yang demikian, dengan sikap optimis yang tinggi remaja lebih yakin dengan kemampuan diri sama ada membuat keputusan untuk diri sendiri dan juga untuk keluarga.

Manakala remaja yang kurang sikap optimis, mereka mudah berasa tertekan. Oleh itu, mereka akan mengalihkan rasa tertekan mereka dengan kegiatan yang tidak sihat seperti merokok, minum minuman keras, tabiat pemakanan yang tidak terkawal dan sebagainya. Keadaan ini adalah kerana mereka menganggap diri mereka sentiasa gagal, dan sentiasa berfikir negatif tentang diri sendiri.

### **Perkaitan orientasi perbualan dengan sikap optimis**

Adderley (2004), Chambers (2005) dan, Mizan *et al.* (2003) mendapati orientasi perbualan dapat meningkatkan keyakinan diri anak-anak. Keyakinan diri menunjukkan yang anak-anak mempunyai sikap optimis dalam diri mereka.

Selari dengan itu, Hicks (2000) dan Jackson *et al.* (2000) mendapati orientasi perbualan dapat meningkatkan keyakinan diri anak-anak untuk mengatasi rasa kesunyian mereka. Keadaan ini membentuk sikap optimis yang tinggi dalam diri anak-anak. Anak-anak ini pandai menyesuaikan diri serta mempunyai ramai kawan.

Seterusnya Black (2001) menyatakan orientasi perbualan dapat meningkatkan kepercayaan anak-anak kepada ibu bapa. Anak-anak berasa selamat apabila berada di samping ibu bapa. Hal ini memberi gambaran bahawa orientasi perbualan mempunyai perkaitan yang positif dengan sikap optimis remaja. Oleh itu hipotesis kajian ini ialah: H1 Terdapat perkaitan yang positif antara orientasi perbualan dengan sikap optimis.

### **Perkaitan orientasi keakuran dengan sikap optimis**


Beberapa kajian mengenai orientasi keakuran dikaitkan dengan pembangunan psikologikal dan pencapaian akademik anak-anak (Chen, *et al.*, 1997; Jones *et al.*, 2001; Strage *et al.*, 1999).

Kajian-kajian tersebut selari dengan Habibah *et al.* (2002) dan Saodah *et al.* (2005) yang mendapati bahawa anak-anak yang dibesarkan dengan orientasi keakuran lebih bersifat pemalu dan terlalu bergantung kepada ibu bapa. Contohnya, anak-anak melakukan ulangkaji pelajaran hanya apabila ibu bapa menggesa dan memantau mereka.

Che Su (2008) pula menyatakan bahawa remaja memerlukan perhatian dan kawalan ibu bapa. Remaja menyatakan bahawa adanya pemantauan dari ibu bapa, mereka berasa diambil berat oleh ibu bapa mereka. Keadaan ini membantu meningkatkan sikap optimis dalam diri remaja. Sikap tersebut akan mendorong remaja untuk bekerja kuat agar pencapaian mereka tinggi. Oleh itu, orientasi

keakuran mempunyai perkaitan yang positif dengan sikap optimis mereka. Justeru, hipotesis kajian ini ialah: H2 Terdapat perkaitan yang positif antara orientasi keakuran dengan sikap optimis.

Konsep penyelidikan kajian ini seperti di bawah ini.



## METODOLOGI KAJIAN

### Kaedah kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan berbantuan borang soal selidik. Kaedah kajian ini juga bersifat *cross-sectional* memandangkan responden kajian ini adalah pelajar sekolah. Kaedah ini sesuai kerana dapat mengelak mengganggu sesi pembelajaran dan program yang telah ditetapkan sekolah. Oleh itu, data dikutip sekali sahaja dalam satu tempoh masa.

### Pensampelan kajian

Sebanyak 360 orang remaja bandar terdiri dari remaja dari bandar Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu dijadikan sampel kajian ini. Pensampelan berstrata digunakan untuk mengasingkan responden kepada dua kumpulan mengikut jantina. Pensampelan bersistematik seterusnya digunakan untuk memilih sampel dalam setiap kumpulan. Sampel kajian yang dipilih adalah murid yang tinggal dengan keluarga lengkap. Kajian ini di lakukan hanya di sekolah menengah harian biasa yang berada dalam bandar utama di negeri Pantai Timur berdasarkan poskod bandar yang telah ditetapkan.

## **Instrumen kajian**

Soalan-soalan pola komunikasi keluarga diambil daripada skala Pola Komunikasi Keluarga (RFCP) yang dibentuk oleh Ritchie dan Fitzpatrick (1990). Soalan yang dikemukakan berkaitan orientasi perbualan terdiri daripada 9 item dan orientasi perbualan terdiri daripada 7 item. Soalan-soalan sikap optimis diambil daripada skala *The Life Orientation Test* (LOT) oleh Scheier *et al.* (1985). Sikap optimis terdiri daripada 6 item. Jumlah dan bilangan item-item pemboleh ubah tersebut diambil setelah semua pemboleh ubah melalui proses analisis pengesahan data (CFA). Responden diminta memberi persetujuan mereka terhadap kenyataan berkenaan dengan memilih nombor 1 untuk tidak bersetuju hingga 4 untuk sangat bersetuju.

Data yang diperolehi daripada responden dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Science* 16.0 (SPSS 16.0) dengan menumpukan kepada statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Statistik inferensi ialah ujian korelasi Pearson.

## **HASIL KAJIAN**

### **Orientasi perbualan**

Pola komunikasi keluarga berorientasikan perbualan dibahagikan kepada dua kategori iaitu rendah (markah dari 9 hingga 22) dan tinggi (markah dari 23 hingga 36). Lebih dari separuh ibu bapa responden menggunakan pola komunikasi berorientasikan perbualan rendah (55.6%) berbanding tinggi (44.4%) (Jadual 1).

**Jadual 1: Taburan responden mengikut tahap orientasi perbualan (n=360)**

<b>Orientasi Perbualan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus</b>
Rendah (9-22)	200	55.6
Tinggi (23-36)	160	44.4
<i>Min=21.4167</i>		
<i>SP=5.70</i>		

Berdasarkan keputusan kajian, nilai skor tertinggi adalah pada kenyataan, “Dalam keluarga, kami selalu bercakap tentang perancangan dan harapan masa depan” ( $Min=2.83$ ;  $SP=0.95$ ;  $t=56.414$ ). Ini menunjukkan ibu bapa mengambil berat mengenai masa depan anak-anak mereka. Cara begini dapat mengeratkan hubungan antara ibu bapa dengan anak kerana segala permasalahan yang timbul akan dapat dikongsi bersama.

Nilai skor yang terendah adalah pada kenyataan, “Ibu bapa saya cenderung untuk terbuka tentang emosi mereka” ( $Min=2.10$ ,  $SP=0.99$ ;  $t=39.230$ ). Ini menunjukkan bahawa ibu bapa tidak suka ada pandangan berbeza di antara mereka dengan anak-anak. Ibu bapa kadangkala mempunyai perinsip atau falsafah mengenai sesuatu perkara di mana mereka mahu falsafah tersebut menjadi nilai yang turut dituruti oleh anak-anak. Oleh kerana itu, mereka berasa perlu menyatakan kepada anak-anak.

**Jadual 2: Taburan responden mengikut orientasi perbualan (n=360)**

Skala Pola Komunikasi Keluarga	Tahap Orientasi Perbualan*				Min	SD	Jumlah Keseluruhan %	***t	Df	Sig.
	1	2	3	4						
Dalam keluarga, kami selalu bercakap tentang perancangan dan harapan masa depan.	10.3	24.2	37.5	28.1	2.83	0.95	70.75	56.414	359	.000
Ibu bapa dan saya mempunyai masa yang panjang dan santai untuk berborak.	17.2	29.4	34.4	18.9	2.55	0.99	63.75	49.064	359	.000
Kami berbincang sebagai sebuah keluarga tentang apa yang kami buat sepanjang hari.	22.8	24.2	36.7	16.4	2.47	1.02	61.75	46.001	359	.000
Saya selalu memberitahu ibu bapa apa yang saya fikir tentang sesuatu perkara.	25.8	26.4	24.4	18.3	2.40	1.06	60.25	44.184	359	.000
Ibu bapa saya suka mendengar pandangan saya walaupun saya tidak begitu setuju dengan pandangan mereka.	24.2	31.1	29.2	15.6	2.36	1.01	59.00	42.944	359	.000
Ibu bapa menggalakkan saya meluahkan perasaan.	26.4	28.3	28.9	10.4	2.35	1.04	58.75	42.819	359	.000
Saya boleh memberitahu ibu bapa saya tentang semua	32.5	29.4	21.7	16.4	2.21	1.07	55.50	41.126	359	.000



perkara.

Dalam keluarga kami, kami biasa bercakap tentang perasaan dan emosi kami.	33.6	33.6	21.9	10.8	2.13	0.99	53.25	40.216	359	.000
Ibu bapa saya cenderung untuk terbuka tentang emosi mereka.	32.5	31.9	25.6	10.0	2.10	0.99	52.50	39.230	359	.000
<b>Jumlah</b>					<b>21.40</b>	<b>5.70</b>	<b>535.50</b>			

\*1=Tidak setuju, 2=Agak setuju, 3=Setuju, 4=Sangat setuju; \*\*\*t = 3

### Orientasi keakuran

Pola komunikasi keluarga berorientasi keakuran dibahagikan kepada 2 kategori iaitu rendah (markah dari 7 hingga 17) dan tinggi (markah dari 18 hingga 28). Lebih dari dua pertiga ibu bapa responden menggunakan pola komunikasi berorientasikan keakuran tinggi (69.2%) berbanding berorientasikan keakuran rendah (30.8%).

### Jadual 3: Taburan responden mengikut tahap orientasi keakuran (n=360)

Orientasi Keakuran	Kekerapan	Peratus
Rendah (7-17)	111	30.8
Tinggi (18-28)	249	69.2
<i>Min</i> =19.2139		
<i>SP</i> =4.12227		

Keputusan kajian mendapati nilai skor tertinggi adalah pada kenyataan, “Ibu bapa saya selalu berkata begini, anak-anak tidak boleh melawan cakap orang tua” (*Min*=3.50; *SP*=0.80; *t*=76.983). Ini disebabkan sikap hormat terhadap orang yang lebih tua amat dititikberatkan dalam amalan kehidupan seharian selagi ianya tidak bercanggah dengan agama dan peraturan.

Nilai skor yang terendah adalah pada kenyataan, “Ibu bapa saya kadang-kadang menjadi marah apabila pandangan saya berbeza daripada mereka” (*Min*=2.02; *SP*=1.03; *t*=37.302). Bagi ibu bapa, tiada sebab untuk menyanggah pandangan mereka sama ada ianya betul atau salah. Ini disebabkan ibu bapa menghendaki anak-anak mematuhi keputusan mereka tanpa mempersoalkannya.

**Jadual 4: Taburan responden mengikut orientasi keakuran (n=360)**

Skala Pola Komunikasi Keluarga	Tahap Orientasi Keakuran*				Min	SD	Jumlah Keseluruhan %	***t	Df	Sig.
	1	2	3	4						
Ibu bapa saya selalu berkata “anak-anak tidak boleh melawan cakap orang tua.”	5.8	7.2	17.5	69.4	3.50	0.80	87.50	76.983	359	.000
Ibu bapa saya selalu berkata “awak akan lebih memahami sesuatu perkara apabila awak dewasa nanti.”	6.40	16.7	36.7	40.3	3.12	0.90	78.00	65.307	359	.000
Ibu bapa saya selalu berkata “awak tidak sepatutnya berhujah sehingga membuatkan orang marah.”	19.4	18.3	33.3	28.9	2.72	1.08	68.00	49.384	359	.000
Keluarga mengharapkan saya patuh tanpa menyoal apabila melibatkan perkara penting.	16.9	22.8	34.7	25.6	2.69	1.03	67.25	49.040	359	.000
Ibu bapa saya merasakan penting untuk menjadi ketua.	17.2	25.3	34.7	22.8	2.63	1.02	65.75	47.593	359	.000
Ibu bapa saya selalu berkata “ada sesetengah perkara yang kita tidak boleh bincangkannya.”	19.4	28.1	31.4	21.1	2.54	1.03	63.50	46.789	359	.000
Ibu bapa saya kadang-kadang menjadi marah apabila pandangan saya berbeza daripada mereka.	40.6	27.8	20.6	11.1	2.02	1.03	50.50	37.302	359	.000
<b>Jumlah</b>					<b>19.22</b>	<b>4.12</b>	<b>480.50</b>			

\*1=Tidak setuju, 2=Agak setuju, 3=Setuju, 4=Sangat setuju; \*\*\*t = 3

Kesimpulan keputusan kajian menunjukkan keluarga responden kajian ini mengamalkan orientasi perbualan rendah dan orientasi keakuran tinggi. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa responden tegas dalam mendidik anak-anak mereka. Ini berkemungkinan umur responden kajian ini adalah murid tingkatan empat iaitu berumur sekitar 14 tahun. Pada umur ini, para remaja kurang berdisiplin, tidak mematuhi arahan, mononton tv hingga larut malam, malas, suka buang masa dan sebagainya. Oleh itu, ibu bapa akan menegur tingkah laku anak-anak mereka. Keadaan itulah yang menyebabkan anak-anak berasa ibu bapa mereka bersikap tegas, mengawal, dan amat menjengkelkan. Keadaan ini selari dengan Allison (2000) yang menyatakan tindak tanduk anak-anak menimbulkan konflik antara remaja dengan ibu bapa.

## Sikap optimis

Sikap optimis dibahagi kepada 2 kategori iaitu rendah (markah dari 6 hingga 15) dan tinggi (markah dari 16 hingga 24). Lebih separuh daripada responden kajian mempunyai sikap optimis yang tinggi (65.6%) berbanding sikap optimis yang rendah (34.4%).

**Jadual 5: Taburan responden mengikut tahap sikap optimis (n=360)**

Tahap Sikap Optimis	Kekerapan	Peratus
Rendah (6-15)	124	34.4
Tinggi (16-24)	236	65.6
<i>Min</i> =16.7278		
<i>SP</i> =3.12476		

Berdasarkan keputusan kajian jumlah skor yang diberikan untuk setiap item, nilai skor tertinggi adalah pada kenyataan, “Ada masa saya juga mengharapkan yang terbaik” (*Min*=3.35; *SP*=0.77; *t*=83.525) (Jadual 6). Remaja cuba membentuk diri agar menjadi seorang yang sentiasa berdaya maju. Remaja percaya bahawa selagi mereka berusaha selagi itu mereka akan dapat mencapai kejayaan.

Nilai skor yang terendah adalah pada kenyataan “Semua yang berlaku seperti yang saya mahu” (*Min*=2.30; *SP*=0.84; *t*=40.630). Bagi remaja, sama ada ianya betul atau salah mereka menganggap adalah demi kebaikan diri mereka di masa depan.

**Jadual 6: Taburan responden mengikut sikap optimis (n=360)**

Skala Sikap Optimis	Tahap Sikap Optimis*				Min	SD	Jumlah Keseluruhan %	***t	Df	Sig.
	1	2	3	4						
Ada masa saya mengharapkan yang terbaik untuk diri saya.	1.90	11.7	35.8	50.6	3.35	0.77	83.75	83.525	359	.000
Saya mempercayai setiap apa yang berlaku ada hikmah di sebaliknya.	3.60	15.3	27.8	53.3	3.31	0.86	82.75	73.092	359	.000
Saya sentiasa melihat sesuatu dengan harapan	6.40	26.4	39.2	28.1	2.89	0.89	72.25	61.675	359	.000

yang cerah.

Saya selalu optimis tentang masa depan saya.	9.20	25.0	38.6	27.2	2.84	0.93	71.00	57.904	359	.000
Saya terima sahaja apa yang akan berlaku kepada diri saya.	20.0	30.6	30.6	18.9	2.48	0.93	62.00	51.540	359	.000
Perkara yang baik selalu berlaku kepada saya.	16.9	44.2	30.6	8.30	2.30	0.84	57.50	40.630	359	.000
<b>Jumlah</b>					<b>21.40</b>	<b>5.70</b>	<b>535.50</b>			

\*1=Tidak setuju, 2=Agak setuju, 3=Setuju, 4=Sangat setuju; \*\*\*t = 3

Kesimpulan keputusan kajian menunjukkan responden kajian ini mempunyai sikap optimis yang tinggi. Lazimnya, remaja yang mempunyai sikap optimis yang tinggi adalah remaja yang datang daripada keluarga yang sentiasa menyokong dan mendorong remaja ke arah yang positif. Ia selari dengan Bandura (1993) yang menyatakan sikap optimis akan mendorong remaja meraih kejayaan dalam hidup mereka.

### **Perkaitan pola komunikasi keluarga dengan sikap optimis**

Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan nilai korelasi di antara orientasi perbualan dengan sikap optimis ialah  $r = 0.398$  dengan nilai signifikan  $p = 0.000$ . Nilai signifikan adalah lebih kecil dari 0.05 ( $p < 0.05$ ). Ini bermakna H1 diterima. Hasil kajian ini menunjukkan wujud perkaitan yang positif dan lemah di antara dengan orientasi perbualan dengan sikap optimis.

Hasil analisis korelasi Pearson juga menunjukkan nilai korelasi di antara orientasi keakuran dengan sikap optimis ialah  $r = 0.292$  dengan nilai signifikan  $p = 0.000$ . Nilai signifikan adalah lebih kecil dari 0.05 ( $p < 0.05$ ). Ini bermakna H2 diterima. Hasil kajian ini menunjukkan wujud perkaitan yang positif dan sangat lemah di antara orientasi keakuran dengan sikap optimis.

**Jadual 7: Nilai korelasi Pearson perkaitan di antara pola komunikasi keluarga dengan keberkesanan diri (n=360)**

Pola Komunikasi Keluarga	Sikap Optimis	
	<i>r</i>	<i>p</i>
Orientasi perbualan	0.398	0.000
Orientasi keakuran	0.292	0.000

Kesimpulan dari keputusan kajian menunjukkan orientasi perbualan mempunyai perkaitan yang positif dengan sikap optimis. Orientasi perbualan yang diamalkan ibu bapa membenarkan anak-anak menyuarakan pendapat, pandangan dan idea mereka. Sikap terbuka ibu bapa ini mendorong sikap optimis dalam diri anak-anak. Lazimnya anak-anak ini mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan percaya kepada kebolehan diri.

Keputusan kajian juga menunjukkan orientasi keakuran berkait secara positif dengan sikap optimis. Orientasi keakuran yang diamalkan ibu bapa akan membentuk anak-anak berdisiplin tinggi. Anak-anak yang mempunyai disiplin diri yang tinggi mampu melihat hidup ini secara positif. Mereka akan mengelak diri dari terlibat dengan pelbagai masalah tingkah laku yang melanda remaja pada hari ini. Mereka juga lebih fokus dalam bidang yang diceburi.

### **Rumusan kajian**

Kajian ini menunjukkan pola komunikasi keluarga responden berorientasikan perbualan rendah dan berorientasikan keakuran tinggi. Walaupun komunikasi keluarga responden berbentuk tegas, namun ia penting bagi mendisiplinkan diri remaja. Dengan disiplin diri yang tinggi akan membantu remaja menjadi remaja yang bersahsiah dan bermoral tinggi.

Kajian ini menunjukkan responden mempunyai sikap optimis yang tinggi. Sikap optimis yang tinggi amat penting agar remaja dapat melihat kehidupan ini secara positif. Oleh yang demikian, remaja akan sentiasa berusaha memperbaiki diri dari masa ke semasa.

Kajian ini menunjukkan orientasi perbualan dan orientasi keakuran berkait secara positif dengan sikap optimis remaja. Oleh yang demikian, nilai-nilai yang ada dalam kedua-dua orientasi ini harus dipraktikkan oleh ibu bapa dalam keluarga. Ini adalah untuk menyuburkan sikap optimis dalam diri anak-anak.

## Rujukan

- Adderley, O. P. (2004). *Abandonment: An exploratory study of adolescent reaction within family and school*. Project Demonstrating Excellence. Ohio: Union Institute and Universiti Graduate College Cincinnati.
- Ballard-Reisch, D. S., & Weigal, D.J. (2006). *Established and promising models for family communication research*. Reno: University of Nevada.
- Bandura, A. (1993). Perceived self-efficacy in cognitive development and functioning. *Educational Psychologist*, 28(2), 117-148.
- Baxter, L.A., Bylund, C.L., Imes, R.S., & Scheive, D. M. (2005). Family communication environments and rule-based social control of adolescents' healthy lifestyle choices. *Journal of Family Communication*, 5(3), 209-227.
- Black, C. (2001). *It will never happen to me*. Bainbridge Island, WA: Mac Publishing.
- Chambers, J.C. (2005). Strengths for coping with family conflict. *Journal of Reclaiming Children and Youth*, 14(2), 107.
- Chen, G. M. (2002). The impact of harmony on Chinese conflict management. In G.M.Chen & R. Ma (Eds.), *Chinese conflict management and resolution* (pp. 3-17). Westport, CT: Ablex.
- Che Su Mustaffa (2008). Implikasi komunikasi keluarga terhadap penghargaan sendiri remaja. Dalam Che Su Mustaffa, Hassan Abu Bakar dan Bahtiar Mohamad. *Isu-isu komunikasi di Malaysia aplikasi penelitian empiri*. Petaling Jaya: Prentice Hall, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Comings, E.M., & Cummings, J.S. (2002). Parenting and attachment. In M.H. Bornstein (Ed.). *Handbook of parenting* (Vol. 5, pp. 35-58). Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Crespi. T.D., & Sabatelli, R.M. (2002). Adolescent runaways and family strife: A conflict-induced differentiation framework. *Journal of Adolescent*, 28, 112-867.

- Dumlao, R., & Botta, R.A. (2000). Family communication patterns and the conflict styles young adults use with their fathers. *Communication Quarterly*, 48, 174-189.
- Fingerson, L. (2005). Do mothers' opinions matter in teens' sexual activity? *Journal of Family Issues*, 26(7), 947-974.
- Hicks, C. (2000). *Adolescent openness to the parental viewpoint in narrative: Longitudinal prediction of adolescent adjustment*. Unpublished doctoral dissertation, Wilfrid Laurier University. Kedapatan dari: Dissertation & Theses: Full Text (Publication No. ADT 3331906). Akses pada 6 November 2010.
- Jackson, L. M., Pratt, M. W., Hunsberger, B., & Pancer, S. M. (2000). Optimism as a mediator of relation between parental authoritativeness and adjustment among adolescents. In C, Hicks. *Adolescent openness to the parental viewpoint in narrative: longitudinal prediction of adolescent adjustment*. Wilfrid Laurier University.
- Jones, D.J., Beach, S.R.H., & Forehand, R. (2001). Stress generation in intact community families: Depressive symptoms, perceived family relationship stress, and implications for adolescent adjustment. *Journal of Social and Personal Relationships*, 18, 443-462.
- Kelley, L., Keaten, J.A., Finch, C., Duarte, I. B., Hoffman, P., & Michels, M.M.(2002). Family communication patterns and the development of reticence. *Communication Education*, 51(2), 202-209.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim & Asma Abdul Rahman. (2003). *Menangani "Communication breakdown" dalam keluarga*. Prosiding Seminar Kaunseling Perspektif Islam. Anjuran Universiti Utara Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Knafo, A., & Schwartz, S.H.(2003). Parenting and adolescents' accuracy in perceiving parental values. *Child Development*, 74(2), 595-611.
- Koerner, A. F., & Fitzpatrick, M.A. (2004). Communication in intact families. In A Vangelisti (Ed.), *Handbook of family communication* (pp. 177-196). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Narimah Ismail. (2008). Komunikasi keluarga dan pembuatan keputusan remaja. Dalam Akmar Hayati Ahmad Ghazali, Jusang Bolong, Siti Zobidah Omar dan Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad. *Cabaran komunikasi masa kini*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Strage, A. A., & Brandt, T. S. (1999). Authoritative parenting and college students' academic adjustment and success. *Journal of Educational psychology*. 91(1): 146-159.
- Tuttel, D., & Tuttel, N.(2004). *Self-esteem and adjusting with blindness* (3<sup>rd</sup> ed).

Springfield, IL. Charles C Thomas.

White, F.A., & Matawie, K.M. (2004). Parental morality and family processes as predictors of adolescent morality. *Journal of Family Studies*, 13(2), 219-233.

Wilson, S.R., & Morgan, W.M. (2004). Persuasion and families. In A. Vangelisti (Ed.), *Handbook of family communication* (p:447). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.

Wood, J.T.(2004). *Interpersonal communication: Everyday encounters*. Belmont, CA:Thomson Wadsworth.